JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR
70000 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Telefon : 06-7686800
Faks : 06-7619027
LamanWeb:https://negerisembilan.anm.gov.my/

Ruj. Kami: ANM (S) NS.266 JLD 12 (3)
Tarikh : 12 November 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

TINDAKAN UNTUK MENYELESAIKAN PEMBAYARAN BAGI PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN (GRN/FRN)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Semakan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mendapati bahawa Jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan masih mempunyai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan **(GRN/ FRN)** yang belum selesai sehingga pembayaran kepada pembekal dan berstatus Akaun Belum Bayar (ABB).

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dipohon untuk membuat semakan status pembayaran bagi bekalan dan perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya pembayaran masih belum dijelaskan, kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan invois diterima daripada pembekal dan memproses Arahan Pembayaran sehingga nombor *Electronic Telegraphic Transfer* (EFT) dijana. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./ Tuan/Puan boleh merujuk perkara Bilangan 2 (b) Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (FRN / GRN) di dalam Arahan Operasi JANMNS Bil. 1 Tahun 2021 - Senarai Semak Pemantauan Bulanan Operasi Pusat Tanggungjawab Pejabat Pemungut dan Pusat Pembayar Gaji bertarikh 22 Januari 2021.

4. Bersama-sama ini disertakan senarai Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan (GRN/FRN) **seperti di Lampiran A** untuk diambil tindakan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Sekiranya pembayaran telah dilaksanakan atau terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan bolehlah menghubungi Puan Zuraiha binti Mohd Zaki di talian 06-768 6844.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

EZADIE SHARIZAT BIN HALIL C.A.(M)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sembilan